

SILAT OLAHRAGA JEMPUTAN BRUNEI

Tugas untuk perisik Pesaka

Oleh MOHD RAHIME YUSOF

MALAYSIA akan menghantar seorang 'perisik' bersama kontinjen silat negara ke Kejohanan Jemputan Brunei, akhir bulan depan bagi meneliti keupayaan pesilat Indonesia dan Singapura.

Dua negara itu disifatkan pencabar terkuat negara di Sukan SEA pada 20 Ogos ini. Selain itu, perisik itu juga ditugaskan mengkaji pencapaian pesilat Brunei yang dikatakan semakin mencabar.

"Kami belum menetapkan perisik itu tetapi mereka pakar dan berpengalaman di segi teknik dan taktik silat olahraga," kata Penolong Setiausaha Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), Sulaiman Sarijan.

Katanya, kejohanan itu dianggap kesempatan terbaik bagi Pesaka untuk meninjau kewibawaan pesilat-pesilat Indonesia dan Singapura.

"Kemungkinan kedua-dua negara berke-

6. Harian (M)

naan menyenaraikan skuad utama sebagai langkah pendedahan menjelang Sukan SEA nanti. Ini peluang terbaik kita untuk mengintip kekuatan mereka," jelas beliau.

Sulaiman berkata, laporan perisik itu nanti akan diteliti bersama rakaman video mengenai keupayaan kedua-dua negara itu.

Katanya, perhatian utama itu akan diberikan kepada skuad Indonesia yang menjadi pencabar utama Sukan SEA di Kuala Lumpur nanti.

Di Sukan SEA '87, Indonesia mengutip 12 pingat emas manakala Malaysia cuma mendapat dua emas dan Singapura satu emas.

Harian Sukan difahamkan, lebih 18 negara yang pernah berentap di Kejuaraan Silat Sedunia '87 di Kuala Lumpur menyertai kejohanan di Brunei sempena ulang tahun kemerdekaan negara itu.

Brunei dikatakan akan mengambil kesempatan dari kejohanan itu untuk mengu-

24 JAN 1989

ji keupayaan skuad mereka sebelum menghadapi Sukan SEA.

"Saya tidak nafikan kebangkitan Brunei dan Singapura di Sukan SEA nanti. Sebab itu kami perlu berhati-hati," kata Sulaiman.

Beliau berkata Pesaka membuat keputusan untuk menyenaraikan sepuluh pesilat lelaki dan lima wanita ke kejohanan itu. Bagaimanapun, nama pesilat yang dipilih akan diumumkan seminggu sebelum berlepas ke Brunei.

"Soal pemilihan pesilat akan ditentukan oleh Jawatankuasa Persediaan dan Latihan Silat Sukan SEA. Ini kerana barisan skuad utama belum lagi diputuskan oleh jawatankuasa berkenaan," kata Sulaiman.

Di Kejohanan Jemputan Sedunia Singapura tahun lalu, Malaysia mengutip tiga emas, tiga perak dan enam gangsa walaupun hanya menurunkan skuad kedua.